



Cebisan KEMSAINS

MEI 2000

BIL 5

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR
Tingkat 14, Wisma Sime Darby, Jalan Raja Laut, 50662 Kuala Lumpur Telefon: 293 8955 Faks: 03-293 6006 Teleks: MOSTEC MA 281 54
Home-Page: <http://www.mastic.gov.my/kstas/>

Anugerah Akreditasi Kebangsaan

Kemuncak majlis adalah penyampaian sijil kepada DSM yang telah berjaya memasuki Mutual Recognition Agreement - International Accreditation Forum (IAF-MRA).

7 Mac 2000, Majlis Anugerah Akreditasi Kebangsaan telah diadakan di Hotel Nikko, Kuala Lumpur. Majlis dirasmikan oleh YB Dato Law Hieng Ding, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Majlis seumpama ini yang merupakan kali ketiga dianjurkan bertujuan memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada makmal-makmal pengujian dan penentukuran serta badan-badan pensijilan yang telah berjaya di akredit oleh skim-skim akreditasi kelolaan Jabatan Standard Malaysia (DSM).

Dalam majlis tersebut, 26 makmal Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) dan 2 buah badan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9000) yang telah diakredit oleh



DSM telah menerima sijil yang di sampaikan oleh YB Dato Law Hieng Ding.

Kemuncak majlis adalah penyampaian sijil kepada DSM yang telah berjaya memasuki Mutual Recognition Agreement - International Accreditation Forum (IAF-MRA). Kejayaan memasuki IAF-MRA ini membolehkan sijil-sijil ISO 9000 yang dikeluarkan oleh kedua-dua badan pensijilan di bawah akreditasi DSM diperakukan oleh negara-negara anggota IAF dan dua kumpulan akreditasi serantau iaitu 'European Accreditation'

(Kumpulan Negara-negara Kesatuan Eropah) dan 'Pacific Accreditation Co-operation' (Kumpulan Negara-negara Asia Pasifik).

Dalam program pembangunan industri negara, akreditasi sangat diperlukan untuk mengukuhkan infrastruktur 'conformity assessment' dalam menghadapi era globalisasi perdagangan yang lebih kompetitif. Akreditasi juga dapat mempertingkatkan kecekapan serta keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan dan produk yang dihasilkan oleh pengeluar.

- Sumber- Jabatan Standard Malaysia

Majlis Maal Hijrah 1421

21 April 2000, majlis Sambutan Maal Hijrah anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan KEMSAINS telah diadakan di Bilik Taklimat Tingkat 14, Wisma Sime Darby, Kuala Lumpur.

Majlis yang sederhana itu diserikan lagi dengan kehadiran YB Dato' Zainal Haji Dahalan, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang kemudiannya sudi merasmikan majlis tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dari surah At-Taubah oleh Ustaz Hj. Abd Wahid



Kitan. Kemudian majlis diteruskan dengan syarahan Maal Hijrah oleh Tuan Haji Ali Saripan Al-Hafiz. Majlis ini bertujuan untuk mengingati semula akan peristiwa Maal Hijrah yang membawa titik perubahan besar dalam proses perkembangan Islam ke serata pelusuk dunia serta menghayati pengorbanan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW demi meningkatkan lagi syiar Islam.

- Sumber Kelab KEMSAINS

K O M P U T E R



P E T U A I . T

MENCARI KESILAPAN TEKS

Anda boleh melakukannya dengan menggunakan ciri 'Find & Replace'. Gerakkan kursor anda kepada awal dokumen dan pilih 'Edit - Find & Replace' atau klik pada simbol 'Find & Replace'. Taipkan teks yang anda hendak cari pada ruang 'Find' dan taipkan teks baru pada 'Replace'. Seterusnya anda boleh pilih sama ada hendak ganti semua perkataan yang sama untuk keseluruhan fail atau pun ganti satu persatu. Untuk ganti semua klik pada 'Replace All' dan semua teks yang menyamai carian anda akan diganti. Selain daripada itu anda juga diberi tiga pilihan lain iaitu 'Replace Remaining', 'Replace and Find Next' dan 'Find Next'. Akhir sekali klik OK.

KIRAAN AUTOMATIK

Dalam perisian Excel, jika anda ingin mencampurkan nombor-nombor di dalam sel A1 hingga A5 dan meletakkannya di dalam sel A7, maka anda perlu pergi ke sel A7 dan taipkan =Sum(A1:A5) dan tekan kekunci 'Enter'.

Cara kedua ialah dengan mengklik pada sel A7 dan taipkan =Sum. Seterusnya klik pada sel A1, kemudian tekan kekunci 'Shift' dan klik pada sel A5. Akhir sekali tekan kekunci 'Enter' dan jumlahnya akan dipaparkan.

G L O S A R I

JAVA

Sebuah bahasa pengaturcaraan yang dibina oleh Sun Microsystems pada tahun 1990. Ia adalah bahasa pengaturcaraan kegunaan umum yang berorientasikan objek, pelbagai turutan dan ia boleh diubah kepada kod bait yang membolehkan aturcara Java dijalankan pada sebarang komputer yang mempunyai perisian penterjemahan Java. Sebahagian besar pelayar Web kini mempunyai penterjemah tersebut dan mampu menterjemah dokumen yang mempunyai kod Java.

COOKIE

Secebis maklumat yang dihantar oleh pelayan Web kepada pelayar Web dan mengkehendaki perisian pelayar menyimpan serta menghantar maklumat kembali kepada pelayan. Ia bergantung kepada jenis cookie, pelayar web dan penerima pelayar web. Cookie mempunyai maklumat seperti "login", maklumat pendaftaran, maklumat membeli belah dalam talian (on-line) dan maklumat pengguna.

PLUG IN

Secebis perisian yang menambah ciri-ciri tertentu kepada perisian utama. Contohnya, pelayar Web mempunyai "plug in" yang dimasukkan oleh perisian utama. Dengan itu perisian utama boleh memilih mana satu perisian yang perlu digunakan. Contoh "plug in" seperti Real Player dan Shockwave. - Sumber Kosmik 1999

Bengkel Pengumpulan Data S&T Negara Secara On-Line

Bengkel ini bertujuan untuk memberi pemahaman mengenai konsep pengemaskinian secara 'on-line' Pangkalan Data National Minimum Data Set (NMDS) yang memuatkan maklumat-maklumat pengurusan S&T seperti "S&T Personnel" dan "S&T Projects". Sistem ini akan menggantikan cara pengumpulan maklumat yang menggunakan borang. Melalui bengkel ini juga MASTIC berharap akan mendapat kerjasama serta sokongan pegawai penyelaras yang mewakili institusi penyelidikan awam dan institut pengajian tinggi dalam proses mendapatkan maklumat yang diperlukan oleh MASTIC.

Dalam bengkel tersebut, pegawai penyelaras yang dilantik berpeluang mengemukakan cadangan dan maklumbalas bagi memperbaiki aplikasi baru pengemaskinian NMDS yang diperkenalkan. MASTIC turut mengadakan pameran mengenai peranan serta produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh MASTIC.



VIP YB Dato' Haji Zainal Bin Dahalan hadir untuk merasmikan bengkel tersebut.

18 April 2000, Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia telah mengadakan Bengkel Pengumpulan Data S&T Negara Secara "On-line" yang diadakan di Ballroom, Pan Pacific, Kuala Lumpur

Bengkel ini dirasmikan oleh YB Dato' Haji Zainal Dahalan, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Turut hadir di majlis tersebut ialah Dr. Islahuddin Baba, Timbalan Ketua Setiausaha 1 dan Puan Fadzilah Ahmad Din, Ketua Penolong Pengarah 1, MASTIC.



Ringkas... En. Ramli memberi keterangan mengenai NMDS kepada para peserta.

Health & Fitness

FIRST AID



Fainting

KNOW THE SYMPTOMS AND WHAT TO DO

Before losing consciousness, the victim may complain of...

1. lightheadedness
2. weakness
3. nausea
4. skin may be pale and clammy

If a person begins to feel faint, he should...

1. lean forward
2. lower head toward knees

As the head is lowered below the heart, blood will flow to the brain.

WHAT TO DO IF SOMEONE BECOMES UNCONSCIOUS:

THE RECOVERY POSITION

1. keep the victim lying down with head lowered and legs elevated
2. loosen any tight clothing
3. apply cool, damp cloths to face and neck

In most cases, the victim will regain consciousness shortly after being placed in this position. After the victim regains consciousness, do not let him get up until you have questioned him (Who are you?, Where are you?, Do you know what day it is?) to be sure he has completely recovered.

Tahukah Anda

POKOK BINTANGOR
PENAWAR AIDS

KUALALUMPUR, Selasa - Penyelidikan makmal Institut Kanser Kebangsaan Amerika Syarikat (NCI) terhadap pokok Bintangor atau nama saintifiknya *Calophyllum Lanigerum*, berjaya menghasilkan penawar mengubati HIV/Aids.

Berikutan itu, sebuah syarikat Amerika Syarikat, dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak, dijangka membuat permohonan kepada Pentadbiran Dadah dan Makanan (FDA) Amerika bagi memasarkan ubat baru itu. Ujian terhadap ekstrak *Calophyllum Lanigerum* itu kini pada peringkat praklinikal dan dijangka menjadi satu ubat tradisional dalam merawat HIV/Aids.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata penemuan itu unik kerana pokok berkenaan hanya boleh didapati di Sarawak, sekali gus membuktikan Malaysia sememangnya kaya dengan kepelbagaian biologi.

“Syarikat berkenaan dan Kerajaan Negeri Sarawak dijangka memegang paten penemuan ubatan baru itu,” katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara Koperasi Serbaguna Malaysia Berhad (KSM) dan MMM Networking Sdn Bhd, di sini hari

ini.

Menurut Chua, ubat itu diambil daripada ekstrak lateks *Calophyllum Lanigerum* dan penyelidikannya dilaksanakan oleh Institut Barah Kebangsaan Amerika (NCI) dengan kerjasama institusi pengajian tinggi tempatan. Pada 1987, seorang penyelidik tumbuhan dari Universiti of Illinois-Chicago, D D Soejarto, mendapati getah kuning pada pokok Bintangor mengandungi sejenis kompaun yang boleh menghentikan pembesaran virus Aids. NCI dalam ujiannya mendapati lima jenis pokok, termasuk dua spesis Bintangor iaitu ‘*Tesymanii*’ dan ‘*Leanigerum*’ berpotensi untuk dimajukan sebagai bahan mengubati Aids dan kanser.

Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) juga terbabit sama dalam menjalankan kajian itu dan ia menanam pokok itu bagi tujuan kajian. Pokok Bintangor yang ditanam di UNIMAS kini sudah membesar dan berusia dua tahun. Pada Jun 1993, kerajaan negeri Sarawak menguatkuasakan larangan menebang, mengambil bahagian tertentu dan pengeksportan kayu Bintangor, bagi melindungi pokok berkenaan.

- <http://members.tripod.com/zulinfo/artikel.htm>



Fikir!

Fikir!

Fikir!

PENYAKIT-PENYAKIT HATI

Islam adalah agama yang amat menitikberatkan hubungan sesama manusia. Ini boleh dilihat dalam ayat-ayat al-Quran dan juga hadis-hadis yang menyeru manusia agar berlaku sopan dan hormat-menghormati antara satu sama lain.

Mengumpat, mengeji serta melagakan sesama manusia telah menjadi suatu perkara yang lumrah dalam kehidupan manusia hari ini. Apabila ada orang yang cuba memberi nasihat terhadap perkara yang dilakukan, dengan selamba mereka menjawab. ‘Ala! Memang betul dia buat macam tu,’ tanpa menyedari bahawa apa yang diperkatakan itu sebenarnya sudah dikira sebagai ghibah atau mengumpat.

Perkara ini telah dijelaskan oleh Rasulullah tatkala seorang sahabat bertanya, ‘Wahai Rasulullah, apakah itu ghibah?’ Lalu jawab Baginda, ‘Menyebut sesuatu yang tidak disukai oleh saudaramu!’ Kemudian Baginda ditanya lagi, ‘Bagaimana sekiranya apa yang disebutkan itu benar?’ jawab Baginda, ‘Kalau sekiranya apa yang disebutkan itu benar, maka engkau sebenarnya telah mengumpatnya tetapi jika sekiranya perkara itu dusta, maka engkau sebenarnya telah berbohong.’

Di dalam hadis yang lain Baginda bersabda, ‘Tidak akan masuk syurga mereka yang suka mengumpat.’ Demikianlah besarnya celan terhadap

mereka yang suka melakukan perkara yang keji ini.

Justeru itu, sebagai seorang muslim, kita seharusnya berhati-hati agar penyakit yang amat merbahaya ini tidak menjangkiti kita. Seandainya penyakit ini telah dihidapi, dan kita telah mengesannya maka kembalilah kepada Allah dan mintalah keampunan-Nya sebelum terlambat. Semoga Allah mengampunkan kita semua, memelihara dan memberi kekuatan kepada kita untuk mengawal diri daripada bencana penyakit-penyakit ini.

(Petikan daripada Buletin Renungan KSG-ITM)

Ambition

The ripest peach is highest on the tree. *James Whitcomb Riley*

When you go in search of honey you must expect to be stung by bees. *Kenneth Kaunda*

SIDANG PENGARANG

Penasihat : Pn. Fadzilah Ahmad Din
Editor : Pn. Puziah Sulaiman
: Cik Nor Rokiah Alias
: En. Kamaruzaman Mat Zin
: Pn. Mariam Baba

Cetak &
Rekabentuk : En. Mohd Mokhaizal Mohd Mokhtar
Perunding : Global Ads Workstation Sdn. Bhd.

Pembaca Budiman! Sumbangan karya atau artikel tuan/puan adalah sangat dialu-alukan untuk tatapan bersama. Hantar karya anda kepada Pengarah Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC) atau En. Mohamad Mokhaizal (E-mail: izar@mastic.gov.my)